

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 8 APRIL 2019

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 14

HARI : ISNIN

Simpan awal jamin masa depan

PTPTN saran tabungan seawal usia untuk elak bebanan hutang

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

P erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengajak masyarakat membuat perancangan kewangan bagi membolehkan anak masing-masing dapat meruskan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi pada masa hadapan.

Pengerusinya, Wan Saiful Wan Jan berkata, PTPTN sememangnya akan membantu memberikan pinjaman tetapi simpanan dari awal merupakan tindakan bijak berbanding hanya

bergantung sepenuhnya kepada pinjaman pendidikan.

"Sesungguhnya dengan menyimpan, lebih banyak manfaat diperoleh dan ibu bapa serta anak-anak tidak perlu risau pada kemudian hari."

"Dalam konteks ini, hasrat PTPTN adalah memastikan graduan pada masa hadapan hanya mempunyai hutang pendidikan minimum, berikutan penabungan yang dilakukan lebih awal," katanya pada Majlis Pelancaran Program Jelajah Gen Y: Nilai-Nilai Murni Rakyat Malaysia anjuran Yayasan Kebajikan Perlis (YKPs) dengan kerjasama PTPTN di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Damansara Aliff di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi) PTPTN, Mastura Mohd Khalid. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif YKPs, Affendi Rajini Khan.

Wan Saiful berkata, Skim Simpanan Pendidikan Nasional



Mastura menyempurnakan gimmick flag-off Jelajah Solo Gen Y di Johor, semalam.

(SSPN) merupakan instrumen simpanan pendidikan melalui PTPTN dengan komitmen bulanan serendah RM1 sehari.

Bersempena Program Jelajah Gen Y: Nilai-Nilai Murni Rakyat Malaysia, katanya, PTPTN menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) menyumbang dalam bentuk simpanan SSPN-i kepada pelajar yang meru-

pakan generasi Y.

"Sumbangan CSR PTPTN berbentuk simpanan dalam akaun SSPN-i ini diberikan kepada 7,200 pelajar melibatkan 36 buah sekolah di seluruh Malaysia, dengan peruntukan berjumlah RM144,000.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 676 pelajar dengan nilai sumbangan RM13,520 adalah dari Johor dan sebahagiannya seramai

info

7,200 pelajar dari 36 sekolah menerima sumbangan yang didebit terus ke akaun SSPN-i.

130 pelajar ialah pelajar SMK Taman Damansara Aliff. Setiap pelajar menerima RM20 yang dimasukkan terus ke akaun SSPN-i," katanya.

Wan Saiful berkata, pelajar asyraf dan cemerlang juga menerima sumbangan tambahan dalam simpanan SSPN-i melibatkan 2,000 pelajar dengan peruntukan RM200,000 bagi 36 buah sekolah di seluruh negara.

Program Jelajah Gen Y: Nilai-Nilai Murni Rakyat Malaysia yang berlangsung mulai 4 hingga 30 April ini menjelajah 13 kawasan Parlimen. Ia merupakan usaha PTPTN untuk membudayakan pembangunan bagi tujuan pendidikan tinggi.